

**Malaysia Serahkan Kembali Pusat Kesihatan Kepada Pakistan
Bernama
30 Mei, 2013**

MIRPUR KHAS (Sindh, Pakistan), 30 Mei (Bernama) -- Sebuah pusat kesihatan luar bandar yang rosak teruk dalam kejadian banjir pada 2011 dan dibina semula oleh Mercy Malaysia dengan kerjasama Kementerian Luar Malaysia, diserahkan kembali kepada kerajaan tempatan pada Khamis.

Konsul Jeneral Malaysia di Karachi, Abu Bakar Mamat menyerahkan Pusat Kesihatan Luar Bandar Tando Jan Muhammad itu kepada Timbalan Pesuruhjaya Mirpur Khas, Asif Ikram di sini.

Susulan kejadian banjir pada 2011, Mercy Malaysia melaksanakan projek kemanusiaan di Pakistan bagi membantu penduduk di kawasan terjejas. Banjir itu menjejaskan kehidupan 9.27 juta penduduk yang bergantung kepada hasil pertanian sebagai sumber pendapatan.

Kerajaan Malaysia menyumbangkan USD1 juta (RM3.2 juta) untuk projek kemanusiaan Mercy Malaysia berkenaan yang turut meliputi pembinaan kuarters warga kerja dan tangki air untuk menampung keperluan kira-kira 40,000 penduduk di situ.

Projek itu merupakan sebahagian inisiatif 'Health and Wash (Water, Sanitation dan Hygiene)' Mercy Malaysia yang dilancar di Sindh tahun lepas.

Projek turut melibatkan antaranya pemasangan 10 pam air dan dua loji penapisan air osmosis songsang serta agihan kit kebersihan diri untuk 3,500 keluarga yang terjejas akibat banjir.

Naib Presiden Mercy Malaysia Dr Mohamad Ikram Salleh memberitahu Bernama organisasi itu akan meneruskan projek kemanusiaannya di Pakistan bagi membantu penduduk yang memerlukan.

Kami telah menjalankan aktiviti kemanusiaan di Pakistan sejak 2002 ketika konflik Afghanistan dan di sini sejak gempa bumi yang melanda Kashmir pada 2005, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953080>